



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL 5/2018  
28 MEI 2018 (12 RAMADAN 1439H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpah kurnia dan inayah-Nya jua yang diberikan kepada kita semua. Saya berharap agar semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk itu, saya menyeru semua warga MBPJ, untuk mempergiat segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang selaras dengan Pelan Strategik Majlis dan Agenda PJ Smart City. Majlis juga menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor untuk memekarkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh (stakeholders) Majlis bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan program dan projek untuk kesejahteraan rakyat.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya

berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

## 2. MAJLIS KOMITED TINGKATKAN KUTIPAN HASIL CUKAI TAKSIRAN

Dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Jabatan Perbendaharaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan Hasil Cukai Taksiran. Pada tahun 2017 Kutipan Hasil Cukai Semasa adalah sebanyak RM207.14 juta atau 95.06% daripada jumlah yang sepatutnya dikutip sebanyak RM217.9 juta. Manakala Kutipan Tunggakan adalah sebanyak RM27.07 juta atau 89.9% daripada jumlah tunggakan sebanyak RM30.09 juta.

Bagi kedua-dua kategori kutipan tersebut, Jabatan Perbendaharaan telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu 90% cukai semasa dan 70% kutipan tunggakan. Sehubungan dengan itu, Majlis mengucapkan terima kasih kepada pembayar cukai yang melunaskan cukai taksiran masing-masing dan pegawai dan kakitangan yang telah berusaha dan bertungkus lumus mengutip hasil cukai Majlis.

Untuk itu, bagi merancakkan lagi kutipan pada tahun ini, Majlis telah merangka pelbagai aktiviti dan program yang mana salah satunya adalah pelaksanaan sistem **SMS BLAST** notifikasi tunggakan cukai selepas ini. Sebagai permulaan, sejumlah 2,145 pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai taksiran telah berdaftar dalam sistem SMS BLAST ini.

### **3. PELAKSANAAN PENUH SISTEM TEMPAT LETAK KERETA & KOMPAUN BERINTEGRASI DI SELURUH KAWASAN LETAK KERETA ‘ON-STREET’ DI PETALING JAYA**

Menteri Besar Selangor Incorporated (Pemerbadanan) (MBI) menerusi SSDU Innovations Sdn Bhd telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan Smart Parking untuk Negeri Selangor dan telah membangunkan sebuah Sistem (Smart Selangor Parking) (SSP) yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran tempat letak kereta dan kompaun atas talian menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan di mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (PBT).

Dengan pelaksanaan sistem SSP ini, ianya memberi kemudahan pembayaran caj letak kereta dan pembayaran kompaun kepada pengguna di kawasan Dataran Sunway di PJU 5 Kota Damansara.

Selain itu juga, penggunaan sistem SSP ini telah diterima secara positif oleh pengguna letak kereta dengan pendaftaran sebanyak **3,811 pengguna** dan dilihat dapat meningkatkan kecekapan proses pengeluaran kompaun oleh anggota penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

### **4. SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN)**

Sistem Pegurusan Audit Nilai (SPAN) adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat latar belakang jabatan, program nilai yang telah dijalankan dan juga laporan tahunan jabatan daripada pelbagai sumber. Selain itu, ianya juga menilai ideologi, persepsi dan tahap pengamalan nilai peribadi diri pegawai di agensi. SPAN juga menilai pengalaman dan persepsi pelanggan ketika berurusan dengan agensi dan

membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai di agensi berdasarkan hasil keputusan sistem pengurusan audit nilai.

Secara keseluruhan, **Indeks Nilai Keseluruhan (Komposit)** Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2017 adalah **meningkat sebanyak 2.3%** dengan poin keseluruhan sebanyak **80.01% berbanding 77.71%** pada tahun 2016 iaitu pada tahap kategori ‘**boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan**’. Indeks Komposit (keseluruhan) ini mengguna pakai lima instrumen iaitu **Rekod Amalan Nilai, Indeks Nilai Ideal, Indeks Nilai Peribadi, Indeks Nilai Organisasi dan Indeks Maklum Balas Pelanggan**. Instrumen ini dinilai berdasarkan pengalaman kerja 1,070 kakitangan terdiri daripada semua kumpulan perkhidmatan serta pemerhatian 366 para pelanggan ketika berurusan dengan Majlis.

Hasil analisis menunjukkan bahawa, Majlis mempunyai kesedaran terhadap kepentingan nilai-nilai murni namun penghayatan dan pengamalan nilai masih boleh dipertingkatkan lagi. Penghayatan dan pengamalan nilai perlu dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih cemerlang. Majlis memerlukan perancangan program nilai secara lebih strategik dan penambahan ke atas program-program peningkatan nilai perlu dirancang dengan teliti.

## 5. **LALUAN BARU PERKHIDMATAN BAS PERCUMA ‘PJ CITY BUS’ LALUAN PJ05 DAN PJ06 KE KAWASAN DAMANSARA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan **dua laluan baru** perkhidmatan bas percuma ‘PJ City Bus’ iaitu **PJ05** dan **PJ06** yang telah memulakan perkhidmatannya secara **percubaan** selama **3 bulan** bermula daripada **15 Mei 2018** sehingga **15 Ogos 2018**.

Perkhidmatan bas percuma di laluan PJ05, MBPJ memperuntukkan sebanyak 4 buah bas, manakala laluan PJ06 jumlah bas diperuntukkan adalah sebanyak 6 buah bas. Ini menjadikan jumlah tambahan bas yang diperuntukkan oleh Majlis adalah sebanyak 10 buah bas. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan PJ City Bus adalah sebanyak 32 buah bas. Berikut adalah senarai laluan jalan untuk perkhidmatan **PJ City Bus PJ05** dan **PJ06**:

i. **PJ05 (HAB Bas, Bandar Utama – LRT Taman Bahagia)**

Bermula dari HAB Bas, Bandar Utama Central Park Avenue (One Utama) – Lebuh Bandar Utama – LDP – Persiaran Surian – Dataran Bandar Utama – Persiaran Bandar Utama – Lebuh Bandar Utama – Lebuhraya SPRINT – Jalan SS 23/23 – Jalan SS 22/41 – LDP – Jalan SS 2/55 – Jalan SS 2/24 – LRT Taman Bahagia – LDP – Jalan SS 22/41 - Jalan SS 23/23 - Lebuhraya SPRINT – Lebuh Bandar Utama – Persiaran Bandar Utama – Dataran Bandar Utama – HAB Bas, Bandar Utama.

ii. **PJ06 (HAB Bas, Bandar Utama – Damansara Damai)**

Bermula dari HAB Bas Central Park Avenue (One Utama) – Lebuh Bandar Utama – Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) – Persiaran Surian – Jalan PJU 7/1 – Jalan PJU 8/1 – Flora Damansara – Jln PJU 8/8 - Empire City - Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) – Persiaran Ara – Persiaran Perdana – Jalan Kuala Selangor – Jalan PJU 10/9 – Jalan PJU10/1A – Jalan PJU 10/1 – Jalan Kuala Selangor – Persiaran Perdana – Persiaran Ara – Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) – Jalan Bukit Lanjan – Empire City - Jalan PJU 8/1 – Jalan PJU 7/1 – Persiaran Surian – Persiaran Bukit Utama – Tengkat Bandar Utama –

Dataran Bandar Utama dan berakhir semula di HAB Bas Central Park Avenue (One Utama).

Perkhidmatan ini akan bermula pada **jam 6.00 pagi dan tamat pada jam 9.00 malam setiap hari** dengan kekerapan di antara **15 hingga 20 minit.**

## 6. **KEMPEN SPRING CLEANING HARI RAYA AIDILFITRI**

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ, telah mengadakan Kempen *Spring Cleaning* Hari Raya Aidilfitri yang bermula sejak **19 Mei hingga 10 Jun 2018.**

Kempen adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan lori secara percuma kepada penduduk Petaling Jaya yang ingin melupuskan sampah *Bulk Waste* seperti perabot terpakai, peralatan elektrik dan barang rumah sahaja. Untuk makluman, kempen itu telah diperkenalkan sejak 6 Jun 2015 sebagai inisiatif Majlis untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada. Kempen *Spring Cleaning* juga akan dijalankan sepanjang tahun untuk sambutan perayaan utama yang lain iaitu sambutan Tahun Baru Cina, Deepavali dan Sambutan Hari Natal.

Kutipan akan dibuat secara pintu ke pintu kawasan yang telah disenaraikan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Jadual kutipan adalah seperti berikut ;

| <b>Tarikh</b> | <b>Masa</b>                         | <b>Lokasi</b>   | <b>Pegawai</b><br><b>Bertanggungjawab</b>                  |
|---------------|-------------------------------------|---|--|
| 19 Mei 2018   |                                     | Pangsapuri Rossa<br>  Qasia   Lily   Melia<br>(Seksyen 7, Kota Damansara) | En. Asyraf<br>017-6013963                                  |
|               |                                     | SS 20 / 10  | En. Fadzil<br>017-3946906                                  |
| 20 Mei 2018   |                                     | Seksyen 20 & Seksyen 21   | En. Malik<br>010-4297437                                   |
|               |                                     | SS 7 /17 & SS 7/8   | En. Fitri<br>017-6244923                                   |
| 26 Mei 2018   | 10.00 pagi<br>Hingga<br>2.00 petang | SS 9 / 10   | En. Hammad<br>017-6426387                                  |
|               |                                     | PJS 2 & PJS 4   | En. Azri<br>012-2672937<br><br>En. Azmil<br>017-6545450    |
|               |                                     | Town House<br>Seksyen 7 Kota Damansara                                    | En. Asyraf<br>017-6013963                                  |
| 27 Mei 2018   |                                     | Seksyen 17 (Flat PKNS)  | En. Razi<br>019-2319167                                    |
|               |                                     | Seksyen 51 A  | En. Malik<br>010-4297437                                   |
| 2 Jun 2018    |                                     | PJS 6 & PJS 8   | En. Amirul<br>018-2819462                                  |
|               |                                     | Seksyen 3   | En. Zuhairi<br>016-3714604                                 |
|               |                                     | Selasih Court & Kuarters MBPJ   |  |
| 3 Jun 2018    |                                     | PJS 10 & PJS 5 / 18   | En. Amirul<br>018-2819462<br>&<br>En. Azmil<br>017-6545450 |
|               |                                     | PJU 3 & PJU 5 (Seksyen 11)  | En. Faizal<br>012-6776494                                  |
| 9 Jun 2018    |                                     | Apartment Lestari,<br>Apartment Harmoni<br>(PJU 10),<br>Seksyen 14        | En. Malik<br>010-4297437<br>&<br>En. Kama<br>013-6022410   |
| 10 Jun 2018   |                                     | SS 5, SS 4B, SS3  | En. Nasarudin<br>011-11536433                              |

|                             |  |
|-----------------------------|--|
| Seksyen 22                  | En. Hammad<br>017-6426387                                |
| Flat Bestari,<br>Seksyen 19 | En. Razi<br>019-2319167                                  |
| PJS 1 & PJS 3               | En. Azri<br>012-2672937<br>&<br>En. Azmil<br>017-6545450 |

## 7. KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga 19 Mei 2018 (**minggu epid ke 20/2018**) adalah sebanyak **803 kes**. Jumlah ini menunjukkan penurunan kes sebanyak **45%** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017 (**1468 kes**). Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling. Purata kes mingguan adalah sejumlah **40 kes seminggu**. Tiada kematian terbaru dilaporkan setakat ini.

Aliran tahunan kes dilihat meningkat sejak minggu epid 14 hingga minggu epid 20 di mana purata kes minggu epid 1–13 adalah 34 meningkat kepada 51 kes (purata minggu epid 14–20). Faktor ini disebabkan taburan hujan yang meningkat dalam tempoh tersebut yang seterusnya menggalakkan pembiasaan jentik-jentik serta langkah kawalan terganggu.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 20 adalah 20 lokaliti seperti berikut:

| LOKALITI WABAK               | JUMLAH WABAK YANG DILAPORKAN PADA<br>14 APRIL 2018 |
|------------------------------|--|
| Wabak Baru (WB)              | 2  |
| Wabak Terkawal (WT)          | 15   |
| Wabak Tidak Terkawal (WTK)   | 0  |
| Hotspot (HS)                 | 3  |
| <b>JUMLAH LOKALITI WABAK</b> | <b>20</b>  |

Jumlah bilangan kes denggi mengikut zon Dun tahun 2018 sehingga ME 20 (19/5/2018) adalah seperti berikut:

| BIL | DUN             | JUMLAH PENDUDUK | BIL. KES | KADAR INSIDEN /100000 |
|-----|-----------------|-----------------|----------|-----------------------|
| 1.  | BUKIT LANJAN    | 193,454         | 145      | 75                    |
| 2.  | KOTA DAMANSARA  | 140,960         | 188      | 113                   |
| 3.  | SERI SETIA      | 98,594          | 162      | 164                   |
| 4.  | TAMAN MEDAN     | 92,710          | 88       | 95                    |
| 5.  | DAMANSARA UTAMA | 73,859          | 99       | 134                   |
| 6.  | BUKIT GASING    | 75,109          | 85       | 113                   |
| 7.  | KAMPUNG TUNKU   | 38,314          | 36       | 94                    |

Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 22/5/2018)

| Bil           | Senarai Nama Lokaliti Wabak                    | Jumlah Kes Terkini | Wabak Di JangkaTamat |
|---------------|--|--------------------|----------------------|
| 1             | DAMANSARA UTAMA<br>(SS 2/45 – SS2/55)          | 9                  | 26/05/2018           |
| 2             | DAMANSARA UTAMA SS 2<br>(KEN DAMANSARA KONDO ) | 15                 | 29/05/2018           |
| 3             | SERI SETIA SS 7<br>(KELANA PUTERI KONDO)       | 20                 | 28/05/2018           |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>44</b>          |                      |

## **Program SEDAR**

Sehingga kini, sebanyak 206 pasukan SEDAR telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 145 Pasukan SEDAR Komuniti**
- 2) 46 Pasukan SEDAR Sekolah**
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan**
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ**
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)**
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)**

Saya ingin memaklumkan, pada hari ini Majlis menerima lawatan pemeriksaan panel penilai **Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan** (SPB-PBT) dari Bahagian Dasar dan Inspektorat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sesi pemeriksaan melibatkan empat kriteria utama iaitu:

- i. **Pengurusan** - (Pengurusan Organisasi, Pengurusan Kewangan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia)
- ii. **Perkhidmatan Teras**
- iii. **Pengurusan Pelanggan**
- iv. **Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk**

Majlis telah berjaya mencapai prestasi **5 Bintang** dalam sesi SPB-PBT terdahulu pada tahun 2016. Semoga Majlis dapat mengekalkan dan meningkatkan prestasi pencapaian pada kali ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

**Sekian, terima kasih.**